

**Pemodelan Semula Polo Bantu Proton Kuasai Semula Penguasaan Pasaran - OSK Research
Bernama
5 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- OSK Research berkata kemungkinan memodelkan semula Volkswagen Polo sebagai Proton merupakan langkah positif dalam membantu syarikat pembuat kereta negara itu menguasai semula penguasaan pasaran.

Syarikat penyelidikan itu mengulas mengenai laporan media yang menyatakan pembuat auto dari Jerman itu telah membentuk satu pasukan khas untuk melihat kepada kemungkinan memodelkan semula Polo sebagai Proton.

"Kami menjangkakan yang langkah memodelkan semula itu berkemungkinan dapat direalisasikan dalam dua hingga tiga tahun," kata OSK Research dalam kenyataan hari ini.

"Dalam usahanya merebut peluang dari segi skala ekonomi, kami tidak menolak kemungkinan Proton akan mengeksport Polo yang telah dimodelkan semula ke pasaran Asean yang lain."

Ini pastinya akan memberi manfaat kepada sektor pembuat bahagian auto secara keseluruhan, katanyan.

Bagaimanapun, OSK Research mengekalkan "underweight" ke atas sektor itu kerana "kami belum mendapat kejelasan bagaimana garis panduan peminjaman baharu telah menjejaskan kadar kelulusan permohonan pinjaman sewa beli".

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649956>